

Konvokesyen ke-12 UMS: 4,615 graduan terima ijazah

OLEH MARRYAN RAZAN
marryan@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Seramai 4,615 graduan menerima ijazah dalam Konvokesyen ke-12 Universiti Malaysia Sabah (UMS), selama dua hari bermula kelmarin.

Daripada jumlah itu 11 graduan menerima doktor falsafah (PHD), 239 ijazah sarjana, 4,229 ijazah sarjana muda dan 135 menerima diploma.

Pada sidang kelmarin, Dr. Ahmat Adam dianugerahkan Ijazah Profesor Emeritus, sebagai tanda penghargaan UMS terhadap sumbangan dan jasa bakti beliau dalam pembangunan dan pencapaian universiti itu.

Sejak majlis konvokesyen pertama UMS pada tahun 1999 sehingga kini, universiti itu telah berjaya menghasilkan seramai 32,447 graduan dalam pelbagai bidang.

Dalam konvokesyen sidang pagi kelmarin, ijazah disampaikan oleh Yang Di Pertua Negeri Tun Ahmadshah Abdullah dan sidang petang, ijazah disampaikan oleh Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Haji Aman.

Ketika berucap pada majlis itu Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, universiti itu akan terus komited membangunkan kemudahan fizikal kampus agar ia sentiasa selari dan menyokong kepada pembangunan akademik universiti.

"Projek pembangunan fizikal yang telah siap sepenuhnya adalah Makmal Mikrobiologi dan Patologi Sekolah Perubatan, Klinik Perubatan Desa di Sikuati Kudat dan bangunan Unit Media dan Teknologi Pendidikan.

"Manakala Institut Penyelidikan Bioteknologi dan Sekolah Pertanian Lestari sebagai kampus cawangan Sandakan, sedang rancak disiapkan," katanya.

Beliau berkata, bidang penyelidikan dan inovasi juga akan terus diberi fokus utama sebagai salah satu KPI untuk menjadi Universiti Penyelidikan di masa hadapan.

"Bagi memastikan penyelidikan mendapat kemudahan yang kondusif, UMS berusaha melengkapkan keperluan peralatan pelbagai bidang penyelidikan.

"Pelaksanaan pengurusan instrument penyelidikan gunasama secara berpusat telah dikenalpasti antara usaha yang perlu dilaksanakan bagi memastikan pengurusan yang lebih berfokus, terancang dan efektif," katanya.

Katanya lagi, UMS melalui Unit Instrumentasi, Pusat Penyelidikan dan Inovasi dengan kerjasama Sekolah dan Institut telah mengenalpasti beberapa instrument sedia ada untuk dibangunkan sebagai 'pilot projek' pelaksanaan.

"Melalui perkongsian penggunaan instrument penyelidikan ini, diharap ia dapat memaksimumkan penggunaan instrument tersebut dan seterusnya menjimatkan peruntukan kewangan universiti," katanya.

Kamaruzaman berkata, selaras dengan peranan UMS untuk mendidik dan melahirkan graduan yang professional, berilmu dan berdaya saing, selain menyampaikan kursus akademik, universiti itu juga bergiat menyumbang latihan dan perkhidmatan kepada pelajar melalui kegiatan kemahasiswaan.

"Pada tahun ini sahaja sebanyak 600 aktiviti telah dijalankan meliputi 15 kategori termasuklah kepimpinan, kemasyarakatan, sukan, seni budaya, keusahawan, kesukarelawan dan daya inovasi," katanya.

Beliau turut mengingatkan para graduan agar sentiasa bersedia menghadapi segala cabaran dan kehendak kebolehsaingan di peringkat global.



SAMPAIKAN IJAZAH ... Musa menyampaikan ijazah pada konvokesyen itu.